



KENYATAAN KOMITMEN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM UNISEM

UNISEM mengiktiraf kepentingan kritikal bagi menangani perubahan iklim. Sebagai entiti terkemuka dalam industri semikonduktor, kami mengakui peranan yang dimainkan dalam mengurangkan kesan perubahan iklim demi menyumbang kepada masa depan yang lestari. Kenyataan ini menggariskan komitmen kami untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2050. Kami akan berusaha dengan gigih untuk mengurangkan intensiti pelepasan langsung dan tidak langsung dalam jangka masa sederhana, dengan matlamat untuk mengurangkan pelepasan mutlak dalam jangka masa Panjang.

1. Integrasi Tenaga Boleh Diperbaharui:

Kami akan meneroka semua kaedah untuk beralih secara progresif ke arah bekalan tenaga rendah karbon. Kami akan menggunakan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di tapak dan bekerjasama dengan rakan kongsi ekosistem untuk menyokong peralihan kepada sumber tenaga bersih.

2. Kecekapan dan Penjimatatan Tenaga:

Kami komited untuk melaksanakan teknologi dan amalan cekap tenaga merentasi semua aspek operasi kami. Ini termasuk melabur dalam sistem penyejukan yang cekap, mengoptimumkan pencahayaan, tenaga solar, sistem pengudaraan dan terus mengguna pakai proses pembuatan yang cekap. Matlamat kami adalah untuk mencapai peningkatan berterusan dalam metrik keamatan tenaga.

3. Pengurusan Rantaian Bekalan Lestari:

UNISEM akan bekerjasama rapat dengan pembekal kami untuk mengalakkan dan menyokong penggunaan amalan lestari mereka. Kami akan mengutamakan pembekal yang memberikan komitmen kukuh terhadap alam sekitar dan bekerja secara kolaboratif untuk meminimumkan kesan alam sekitar daripada operasi usaha sama kami.

4. Pengawasan Air:

Kami mengiktiraf kepentingan pemuliharaan air dan pengurusan air yang bertanggungjawab. UNISEM akan melaksanakan strategi untuk mengurangkan penggunaan air, menambah baik kitar semula dan penggunaan semula air, dan melindungi sumber air tempatan di sekitar kawasan tempat beroperasi.

5. Inovasi untuk Penyelesaian Iklim:

Kami akan terus meneroka teknologi dan penyelesaian inovatif yang berpotensi untuk mengurangkan pelepasan, meningkatkan kecekapan tenaga dalam menangani cabaran berkaitan iklim. Kami akan mencari perkongsian secara aktif dengan pembekal perkhidmatan yang inovatif dan organisasi lain untuk mempercepatkan penggunaan teknologi mesra iklim.

6. Penglibatan dan Pendidikan Pekerja:

Kami akan melibatkan pekerja kami dengan menyediakan pendidikan dan latihan tentang perubahan iklim, kelestarian dan peranan yang mereka mainkan dalam mencapai matlamat iklim yang ditetapkan. Ini termasuk memberi peluang kepada pekerja untuk menyumbang idea dan kepakaran mereka kepada inisiatif kelestarian kami.

7. Ketelusan dan Pelaporan:

Kami komited untuk melaporkan kemajuan kami ke arah mencapai matlamat iklim yang ditetapkan secara telus. Kami akan terus memantau dan melaporkan penunjuk untuk makluman semua pihak berkepentingan serta melaksanakan cadangan kawal selia yang berkaitan dengan pendedahan iklim.

UNISEM berdedikasi sepenuhnya untuk memerangi perubahan iklim dan menyumbang kepada masa depan yang lestari. Melalui pelaksanaan kenyataan komitmen perubahan iklim ini, kami berhasrat untuk menjadi teladan dalam industri semikonduktor, memberi inspirasi kepada perubahan positif dalam sektor kami dan seterusnya.

Disemak and diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 26th October 2023.

Versi Bahasa Inggeris asal Kenyataan Komitmen Terhadap Perubahan Iklim di atas hendaklah menjadi teks standard dan akan menggantikan mana-mana terjemahan daripadanya.